

26 FEB 2001

Mahathir-Islam/I

UMAT ISLAM SEHARUSNYA KEMBALI KEPADA AJARAN POKOK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa umat Islam hendaklah kembali kepada ajaran pokok agama itu untuk membolehkan mereka menghadapi sebarang cabaran termasuk globalisasi.

Perdana Menteri berkata kebanyakan negara Islam masih belum menyedari sepenuhnya tentang globalisasi kerana mereka sibuk dengan perbalahan sesama sendiri.

"Mereka begitu sibuk dengan perbalahan itu sedangkan ia berlawanan dengan ajaran agama bahawa mereka hendaklah berbaik-baik antara satu sama lain. Sebaliknya pada anggapan mereka berbalah itulah yang patut dilakukan.

"Jadi apabila mereka sibuk dengan perkara itu, mereka tidak dapat memahami sepenuhnya tentang apa yang akan menuju ke arah mereka," kata beliau kepada peserta Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi, di sini.

Dr Mahathir menyatakan demikian sebagai menjawab pertanyaan semasa sesi dialog persidangan itu tentang mengapa kebanyakan negara Islam masih belum maju dan mundur atau sama ada terdapat sesuatu yang menghalang kerajaan Islam daripada mencapai kemajuan.

Dr Mahathir berkata tidak ada apa-apa yang silap dengan ajaran Islam tetapi ada sesuatu yang tidak kena dengan orang yang mengamalkannya.

"Jika mereka sentiasa mengikuti ajaran Islam, saya yakin mereka akan dapat menghadapi apa jua cabaran.

"Orang kata jangan berbalah sesama sendiri, jangan... tetapi kita tidak ikut, sebaliknya kita bergaduh sesama sendiri. Duduk berbincang bersama pun tidak boleh..." katanya.

Mengenai seruannya supaya diwujudkan globalisasi baru dalam order baru dunia yang memberi lebih keutamaan kepada manusia daripada keuntungan, Dr Mahathir berkata masyarakat dunia memerlukan sebuah dunia yang lebih baik dan bertimbang rasa kerana dunia terlalu kaya hari ini hasil daripada kombinasi sumber baru bahan mentah bersama-sama dengan teknologi baru.

"Ia telah memberi nilai tambahan daripada apa yang boleh diperolehi sebelum ini. Umpamanya lihatlah kepada mikrocip, Ia hanya suatu benda kecil sahaja tetapi lihatlah nilai tambahan kepada bahan mentah yang digunakan untuk membuat mikrocip," katanya.

Dengan menyebut Malaysia sebagai contoh dasar "memakmurkan jiran anda", Perdana Menteri berkata sesuatu golongan tidak seharusnya menjadikan golongan lain miskin untuk memperkayakan diri mereka sendiri, sebaliknya hendaklah memperkayakan orang lain untuk menjadikan diri mereka lebih kaya.

Dr Mahathir berkata banyak orang datang ke Malaysia kerana negara mereka sendiri miskin dan mereka tidak mendapat pekerjaan di sana.

"Jadi, mengapa tidak kita lebih bertimbang rasa kepada negara lain. Mengapa tidak kita cuba membantu mereka menjadi lebih kaya kerana itu adalah baik untuk kita dan untuk mereka.

"Itulah sebabnya, kita memikirkan untuk mewujudkan masyarakat yang lebih bertimbang rasa dan lebih pemurah, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di dunia, ia tidak akan mendatangkan keburukan kepada sesiapa malah akan mendatangkan kebaikan yang sangat besar kepada semua orang," katanya.

Kepada soalan mengenai kesan globalisasi terhadap jurang digital, Dr Mahathir berkata jurang digital itu telah menimbulkan kesan yang sangat buruk daripada segi meluaskan lagi perbezaan antara yang kaya dengan yang miskin.

Beliau berkata sementara pihak yang kaya mampu mendapatkan semua peralatan baru untuk mengurangkan kos pengeluaran barangan mereka, pihak yang miskin terpaksa terus dengan cara lama mereka sendiri dan ini menjadikan mereka tidak efisien.

"Kita telah memutuskan bahawa kita mungkin menghapuskan sempadan dan kita akan mempunyai dunia yang global. Jadi apabila kita mempunyai dunia global, kita terpaksa bersaing dengan pihak yang mengeluarkan barangan dengan cara baru itu," katanya.

Perdana Menteri berkata mereka yang kaya seharusnya menyediakan peralatan baru itu dengan seberapa murah yang boleh, dan pada ketika itu barulah jurang digital itu dapat diatasi.

Dengan menyebut contoh harga perkakasan dan perisian komputer yang begitu mahal, Dr Mahathir berkata kosnya hendaklah dikurangkan bagi membolehkan golongan miskin mendapat kemudahan komputer supaya akhirnya dunia akan dimajukan bagi mendatangkan faedah yang lebih besar kepada setiap orang.

"Tetapi saya kawatir bahawa tidak banyak perhatian diberikan kepada masalah jurang digital ini dengan cara yang serius dan praktikal. Kita banyak bercakap mengenainya tetapi... itulah sahaja nampaknya yang akan berlaku," katanya.

-- BERNAMA

HS ES NMO